

Daim kemuka permohonan baru letak jawatan

UM 13 JAN 1991

KUALA LUMPUR 12 Jan. — Dato' Paduka Daim Zainuddin telah mengemukakan permohonan "baru," untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mengesahkan penerimaan surat itu, berkata, beliau akan menemui Dato' Paduka Daim terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

Dato' Paduka Daim kini masih bercuti.

"Setelah dia (Dato' Paduka

Oleh
Badrul Azhar Rahman

Daim) mengambilalih, dia telah menyusun semula dan menjaga kewangan negara sehingga kedudukannya begitu sihat dan kukuh.

"Kata dia, dia sudah selesai tugasnya dan patutlah saya lepaskan dia," kata Dato' Sri Dr. Mahathir kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini pagi ini.

Dato' Paduka Daim telah beberapa kali menyatakan hasratnya untuk meletakkan jawatan.

Pertama kali ialah pada tahun 1986 dan kemudian 1987 tetapi sejeurus sebelum pilihanraya, beliau sekali lagi memohon kepada Perdana Menteri untuk meletakkan jawatannya.

Surat yang baru dikemukakan kepada Dato' Sri Dr. Mahathir ini adalah kali keempat beliau berbuat demikian.

Perkembangan terbaru ini memperkuatkan spekulasi dan desas desus bahawa bekas Menteri Pertahanan, Dato' Abdullah Haji Ahmad Badawi akan kembali semula ke dalam kabinet sebagai Menteri Pendidikan, jawatan yang

LIHAT MUKA 12

DAIM KEMUKA PERMOHONAN BARU

* pernah disandanginya sebelum ini.

Menteri Pendidikan, Dato' Sri Anwar Ibrahim pula disebut-sebut akan menggantikan Dato' Paduka Daim sebagai Menteri Kewangan.

Selain Dato' Sri Anwar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, Dato' Sri Rafidah Aziz dan Menteri Pertanian, Dato' Sri Sanusi Junid turut disebut-sebut sebagai calon Menteri Kewangan.

Dalam sidang akhbar selepas mesyuarat MT UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, beliau bagaimanapun perlu menemui Dato' Paduka Daim terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan rasmi berhubung dengan permohonannya untuk meletak jawatan.

"Dia (Dato' Paduka Daim) ada meminta untuk berhenti melalui sepucuk surat, tetapi saya tidak boleh membuat keputusan selagi belum berjumpa dengannya," kata Perdana Menteri semasa ditanya dengan lebih lanjut mengenai perletakan jawatan Menteri Kewangan itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga tidak dapat memberi jawapan sama ada beliau akan merombak kabinetnya dalam tempoh beberapa hari lagi.

Menurut Perdana Menteri, dalam surat itu, Dato' Paduka Daim memohon supaya beliau dilepaskan setelah tugasnya untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara selesai.

"Janji saya mengambilnya menjadi Menteri dulu adalah untuk menyusun semula kedudukan kewangan negara yang amat buruk dengan hutang yang terlalu banyak.

"Jadi, bila kedudukan kewangan negara kini sudah baik, dia kata tugasnya sudah selesai dan baiklah dia dilepaskan," jelas Perdana Menteri.

Perletakan jawatan Dato' Paduka Daim heboh dipercakapkan oleh ahli-ahli korporat dan mereka yang terlibat dalam pasaran saham sejak beberapa hari lalu.

Menteri Kewangan itu dikatakan mahu melepaskan jawatannya setelah belanjawan negara 1991 diluluskan oleh Parlimen.